

## Akta Perihal Dagangan 2011

1. Akta Perihal Dagangan 2011 akan dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2012, ini bermakna premis makanan, restoran, hotel, resort, kilang makanan atau mana – mana individu atau pertubuhan atau perbadanan tidak boleh menggunakan sebarang Perbahasaan Halal yang dikeluarkan pihak swasta atau pengisytiharan sendiri seperti:

- a) **Mempamerkan Perbahasaan Halal – Bukan sijil Malaysia atau logo halal Malaysia atau "Di tanggung Halal" atau pengisytiharan sendiri "HALAL" atau "Makanan Islam" atau "Slogan halal" dan sebagainya.**
- b) **Mempamerkan sebarang Perbahasaan halal pada papan tanda, kain rentang, menu makanan, label pembungkusan, salinan sijil tauliah sembelihan atau salinan sijil pengesahan halal syarikat lain.**

2. Sehubungan dengan itu berkuat kuasa pada **1 Januari 2012** premis makanan di Negeri Johor disarankan membuat permohonan halal secara online (**e-halal**) kepada Jabatan Agama Johor bagi mendapatkan **"Sijil Halal Malaysia"** serta dapat mempamerkan logo halal Malaysia yang diiktiraf (**dikeluarkan oleh JAKIM**) di premis perniagaan mereka. Jabatan Agama Johor bersama agensi – agensi lain termasuk KPDNKK akan menjalankan operasi bersepadu ke atas premis yang gagal atau tidak mematuhi Akta Perihal Dagangan 2011 ini. **Bermula pada tarikh tersebut juga syarikat yang didapati bersalah menggunakan sebarang perbahasaan halal boleh dikenakan denda sehingga RM100,000 bagi orang perseorangan dan RM250,000 bagi pertubuhan / perbadanan atau tiga tahun penjara atau kedua- duanya sekali.**